

MRT Corp beri dua syarikat tempatan pakej kerja SBG SSP

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) memberi dua pakej kerja galang kekotak bersegi (SBG) bernilai RM369 juta bagi pembinaan laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) kepada dua syarikat tempatan.

SPC Industries Sdn Bhd memperoleh pakej kerja SBG201 bagi membekal dan menyerahkan SBG untuk pakej kerja jejambat V201 hingga V205 pada RM199 juta.

Sementara itu, Acre Works Sdn Bhd memperoleh pakej kerja SBG202 bagi membekal dan menyerahkan SBG untuk pakej kerja jejambat laluan SSP V206 hingga V210 bernilai RM170 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata walaupun nilai kontrak berkenaan rendah, kedua-dua pakej kerja terbabit adalah sama penting untuk pembinaan laluan SSP.

"Sesuatu yang baik apabila syarikat dengan rekod prestasi yang bagus berjaya dalam proses tender terbabit," katanya menerusi kenyataan, semalam.

66 pakej kerja ditender

Sebagai tambahan kepada pakej kerja laluan SSP, Jawatankuasa Perolehan Sehenti turut memberi dua pakej kerja untuk laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Pakej kerja pertama bernilai RM103.8 juta diberi kepada Trans Resources Corporation Sdn Bhd, membabitkan pembinaan Pasar Seni Link dan kerja-kerja berkaitan antara stesen LRT Pasar Seni dan KTM Kuala Lumpur sedia ada.

Pakej kerja kedua bernilai RM62.5 juta bagi pembinaan sebuah depo bas pengantara MRT serta kemudahan dan bangunan sokongan berkaitan untuk laluan SBK di Kajang diberikan kepada Potensi Cekal Sdn Bhd.

Jarak keseluruhan laluan SSP adalah 52.2 kilometer (km), dengan 13.5km berada di bawah tanah. Ia akan mempunyai 37 stesen termasuk 11 stesen bawah tanah.

Secara keseluruhannya, ada 66 pakej kerja ditender bagi pembinaan laluan SSP.

Ia termasuk 10 pakej jejambat, satu pakej kerja bawah tanah, dua pakej kerja depo, 10 pakej kerja stesen serta 15 pakej kerja medan letak kereta bertingkat.

Tawaran lain adalah bagi kerja awal, kesalinghubungan, sistem, pembekal serta kontraktor yang ditetapkan.

BERNAMA